

# Dua ekor penyu ditemui mati

Spesies agar, karah  
berusia lebih 20 tahun

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

## PORT DICKSON

FOTO: FOTO: FB JABATAN PERIKANAN NEGERI SEMBILAN



Penyu berusia lebih 20 tahun ditemui mati di pantai Port Dickson.

**D**ua penyu spesies agar dan karah berusia lebih 20 tahun ditemui mati di perairan Port Dickson dalam tempoh kurang dua minggu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, penyu agar dianggarkan seberat 120 kilogram (kg) itu ditemui di Pantai Teluk Kemang, manakala penyu karah seberat 69kg ditemui di Batu 10 di sini.

“Seekor dijumpai pada 27 Disember lepas dan seekor lagi pada Selasa. Keadaan bangkai sudah reput teruk dan penyebab kematian tidak dapat dipastikan.

“Pemeriksaan mendapati tiada sebarang kesan kecederaan pada penyu berkenaan dan kita tidak pasti punca kematiannya,” katanya kepada Sinar Harian pada Khamis.

Beliau berkata, reptilia ma-


rin terancam itu wujud dalam populasi yang sedikit di Negeri Sembilan dan penting untuk dipelihara.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan orang ramai supaya prihatin dengan tidak mengganggu penyu itu terutama jika menemuinya sedang naik ke pantai untuk bertelur dan tidak mengambil telurnya.

“Sabit kesalahan atas perbuatan tidak bertanggungjawab itu boleh dikenakan denda maksi-

mum RM20,000 atau penjara maksimum 2 tahun atau keduanya di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Penyu dan Telur Penyu) 1976 Negeri Sembilan dan Akta Perikanan 1985.

“Kita sangat berharap orang ramai yang menjumpai penyu mati atau cedera untuk hubungi talian 06-6472050 atau 06-6621089 atau menghantar mesej di laman rasmi Facebook Jabatan Perikanan Negeri Sembilan untuk tindakan lanjut,” katanya.



### PENYU AGAR

- Turut dikenali sebagai penyu hijau atau *green sea turtle*
- Berukuran kira-kira 1.2m panjang
- Berat boleh mencecah 270kg ke atas
- Musim bertelur antara April hingga September



### PENYU KARAH

- Juga dikenali sebagai penyu sisik atau *hawksbill sea turtle*
- Berukuran antara 0.8 hingga 1m panjang
- Berat boleh mencecah 80kg
- Musim bertelur antara Mac hingga Jun

### INFO

- Jangka hayat seekor penyu boleh mencecah antara 80 hingga 100 tahun
- Mampu bertelur antara 100 hingga 140 biji
- Penyu ambil masa hampir dua jam menggali lubang besar sebelum
- Anak penyu betina pulang semula ke pantai sama kira-kira 20 hingga 30 tahun selepas menetas